



JABATAN PERDAGANGAN
DPB50163 – BUSINESS PROJECT
LAPORAN PROJEK AKHIR PELAJAR
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM
SESSION: I 2022/2023

LAMAN SESAWANG MyPSP KOOP
KELAS DIB5B (KUMPULAN 5)

NAMA PENSYARAH KURSUS
DR. NOR HASNI BINTI HARON

NAMA PENYELIA PROJEK
NOOR AKMA BINTI ABDUL RASHID

BIL	NAMA	NOMBOR MATRIK
1.	MUHAMMAD ZARKASYI BIN MOHD ZAMRI	10DIB20F1005
2.	FATIN NABILAH BT MOHAMAD AZHAR	10DIB20F1012
3.	NUR UMAIRAH BT HILMAN	10DIB20F1004
4.	NURDAMIA IMANINA BT ROSLI	10DIB20F1017

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPD50163 BUSINESS PROJECT**, Sesi I 2022/2023. Hal ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan Projek Akhir yang bertajuk **Laman Sesawang MyPSP KOOP** telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh :

Nama Penyelia :

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Nama Penyelia Bersama : PUAN AKMA BINTI ABDUL RASHID

Tandatangan Penyelia Bersama :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama Penyelaras : DR. NOR HASNI BINTI HARON

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Pengkaji mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja pengkaji sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah pengkaji jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *Muhammad Zarkasyi*
Nama : MUHAMMAD ZARKASYI BIN MOHD ZAMRI
No. Pendaftaran : 10DIB20F1005

2. Tandatangan : *Fatin Nabilah*
Nama : FATIN NABILAH BT MOHAMAD AZHAR
No. Pendaftaran : 10DIB20F1012

3. Tandatangan : *Nur Umairah*
Nama : NUR UMAIRAH BT HILMAN
No. Pendaftaran : 10DIB20F1004

4. Tandatangan : *Nurdamia Imanina*
Nama : NURDAMIA IMANINA BT ROSLI
No. Pendaftaran : 10DIB20F1017

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

1. Kami, **MUHAMMAD ZARKASYI BIN MOHD ZAMRI (10DIB20F1005), FATIN NABILAH BT MOHAMAD AZHAR (10DIB20F1012), NUR UMAIRAH BT HILMAN (10DIB20F1004), NURDAMIA IMANINA BT ROSLI (10DIB20F1017)**, adalah pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Pengkaji mengakui bahawa projek dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya asli pengkaji tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.

3. Pengkaji bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek kepada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam kepada pengkaji. Diperbuat dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut;

A) MUHAMMAD ZARKASYI BIN MOHD ZAMRI

(No. Kad Pengenalan: 010304080011)

B) FATIN NABILAH BT MOHAMAD AZHAR

(No. Kad Pengenalan: 020412080202)

C) NUR UMAIRAH BT HILMAN

(No. Kad Pengenalan: 011104020174)

D) NURDAMIA IMANINA BT ROSLI

(No. Kad Pengenalan: 020809080614)

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dalam menyiapkan Laporan Akhir Projek dengan jayanya. Setinggi–tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan dan bantuan tenaga yang tidak ternilai bagi menyiapkan Laporan Akhir Projek bagi kursus **DPD50163- BUSINESS PROJECT** yang bertajuk Laman Sesawang MyPSP KOOP.

Pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Nor Hasni Binti Haron selaku pensyarah kursus dan Puan Noor Akma Binti Abdul Rashid selaku penyelia projek yang telah memberi banyak bimbingan serta penerangan yang sempurna dan jelas dari awal projek sehinggalah selesai. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak koperasi kerana telah memberi kepercayaan sepenuhnya dalam menyiapkan tugas ini sehingga selesai dengan jayanya.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan dan menyiapkan Laporan Akhir Projek. Bantuan dari segi tenaga dan masa yang dikorbankan, tidak akan pengkaji lupakan.

Akhir sekali, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa pengkaji serta pihak – pihak yang terlibat bagi menyelesaikan tugas ini. Pengkaji berharap agar tugas yang pengkaji lakukan dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta memberi cetusan idea untuk terus menghasilkan produk inovasi yang lebih baik pada masa yang akan datang.

ABSTRACT

Cooperatives are one of the main needs for the students of Seberang Perai Polytechnic, Penang because of the many needs needed to spend on all their daily needs. After monitoring, the researcher found a problem faced by the students of Seberang Perai Polytechnic, Penang, where some of the students buy necessities outside or in the nearest supermarket. This is because a few students feel that sometimes cooperatives provide limited stock which causes students to face difficulties to buy it at the cooperative and decide to buy it outside only. Therefore, the researcher decided that the MyPSP KOOP website is the best way to create it so that the students of Seberang Perai Polytechnic, Penang can see the stock of available goods or out of stock to ensure comfort for the students so that they do not often go out to buy as well as encourage purchasing in cooperatives. It is also suitable for today's students who live in a modern world because according to researchers the average student now has a smartphone and it has become a mandatory requirement that is used every day. Not only to connect and entertain, smartphones can also be used to facilitate the learning process. In addition, to get information or find out about foreign or domestic matters, you can only look at the tip of your finger. So, with this MyPSP KOOP, it can give quite a systematic and efficient effect on the users. Not only that but it can also be enjoyed by all the residents of Seberang Perai Polytechnic, Penang such as lecturers, staff, and others. This system can also have a positive impact on the cooperative itself such as the students of Seberang Perai Polytechnic, Penang are more interested in buying in the cooperative than outside and it can solve the problems faced by the students of Seberang Perai Polytechnic, Penang.

ABSTRAK

Koperasi merupakan salah satu keperluan utama bagi para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang kerana banyak keperluan yang diperlukan untuk berbelanja segala keperluan harian. Setelah membuat pemantauan, pengkaji menemukan masalah yang dihadapi oleh para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang iaitu dimana sebahagian dari pelajar membeli barang keperluan di luar atau pasar raya terdekat. Hal ini kerana segelintir pelajar merasakan bahawa kadangkala koperasi menyediakan stok terhad yang menyebabkan pelajar menghadapi kesusahan untuk membelinya di koperasi dan mengambil keputusan untuk membelinya di luar sahaja. Oleh yang demikian, pihak pengkaji memutuskan bahawa laman sesawang MyPSP KOOP adalah jalan yang terbaik untuk diwujudkan supaya para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dapat melihat stok barang yang ada mahupun kehabisan stok bagi menjamin keselesaan kepada para pelajar agar tidak sering keluar membeli di luar serta menggalakkan pembelian di koperasi. Ianya juga sesuai bagi para pelajar zaman kini yang hidup dalam serba moden kerana menurut pengkaji rata-rata pelajar kini mempunyai telefon pintar malah ianya telah menjadi keperluan yang wajib yang digunakan setiap hari. Bukan hanya untuk berhubung dan berhibur, telefon pintar juga boleh digunakan untuk memudahkan proses pembelajaran. Selain itu, untuk mendapatkan maklumat atau mengetahui hal luar mahupun dalam negara juga hanya melihat di hujung jari. Jadi, dengan adanya MyPSP KOOP ini, ianya dapat memberi kesan yang cukup sistematik dan cekap kepada para pengguna. Bukan itu sahaja malah ianya juga dapat dinikmati oleh seluruh warga Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang seperti pensyarah, staf dan lain-lain. Sistem ini juga dapat memberi impak positif kepada pihak koperasi sendiri seperti para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang lebih tertarik untuk membeli di koperasi berbanding di luar sekaligus ianya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	i - ii
PERAKUAN PELAJAR	iii
AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRACT	vi
ABSTRAK	vii
BAB 1 (<u>PENGENALAN</u>)	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2 – 3
1.3 Penyataan masalah	4 – 6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Justifikasi kajian	
1.5.1 Justifikasi isu pemilihan kajian	8
1.5.2 Justifikasi analisis SWOT	9 – 10
1.6 Skop projek	11
BAB 2 (<u>KAJIAN DAPATAN</u>)	
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Kajian terdahulu	12
2.3 Kajian lapangan / kaedah temubual	13 – 14
2.4 Rumusan	14
BAB 3 (<u>METODOLOGI KAJIAN</u>)	
3.1 Pendahuluan	15
3.2 Reka bentuk projek	15
3.2.1 Kaedah/ prosedur/ teknik penghasilan projek	16 – 22

3.2.2 Bahan dan peralatan	23
3.2.3 Paparan laman sesawang inventori (barangan runcit) yang lengkap	24
3.2.4 Langkah-langkah untuk penguna laman sesawang	25 – 26
3.2.5 Kajian rintis	27
3.2.6 Maklum balas kajian rintis	27
3.3 Kaedah analisis data	28
3.4 Rumusan	28
<u>BAB 4 (DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN)</u>	
4.1 Pendahuluan	29
4.2 Dapatan kajian / pengujian	30 – 31
4.2.2 Pencapaian objektif kajian pertama	32
4.2.3 Pencapaian objektif kajian kedua	33 - 34
4.3 Perbincangan	35 – 36
4.4 Analisis kewangan	37
4.4.1 Kos penghasilan projek	37
4.5 Rumusan	38
<u>BAB 5 (KESIMPULAN DAN CADANGAN)</u>	
5.1 Pendahuluan	39
5.2 Kesimpulan bagi keseluruhan projek	40 – 42
5.3 Cadangan	43 – 45
5.4 Limitasi projek	46
5.5 Rumusan	47
Lampiran	48 – 50
- Gantt Chart	51
Rujukan	52 - 53

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga turut memetik perbincangan mengenai laman sesawang MyPSP KOOP.

Laman sesawang ini secara umumnya bertujuan untuk memudahkan para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang yang ingin membeli barang dikehendaki untuk keperluan seharian mereka. Laman sesawang MyPSP KOOP ini turut memaklumkan akan keberadaan stok barangan yang terdapat di koperasi Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Dengan adanya laman sesawang MyPSP KOOP, para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dapat memudahkan serta menjimatkan masa mereka untuk mencari barang yang diperlukan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Koperasi merupakan sesuatu pertubuhan yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Penubuhan koperasi oleh mana-mana kumpulan orang hendaklah menghubungi Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu mengikut kawasan masing-masing bagi mendapatkan penerangan dan nasihat bagi proses penubuhan dan pendaftaran koperasi (SKM 2022). Di Malaysia, terdapat lebih daripada 10 000 koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Selain itu, menerusi statistik yang dinyatakan oleh pihak SKM ini menunjukkan bahawa koperasi juga mengambil bahagian yang penting dalam sektor perniagaan. Tambahan pula, koperasi juga mengaplikasikan cara pengurusan yang sama dengan kedai serbaguna yang berada seluruh negara.

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah salah satu institusi awam yang mempunyai koperasi (yang diwujudkan oleh kerajaan). IPTA merangkumi pelbagai institusi dibawahnya dan salah satunya ialah Kementerian Pengajian Tinggi (upu.mohe.gov). Politeknik merupakan salah satu institusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mempunyai koperasi. Di Politeknik Seberang Perai terdapat sebuah koperasi yang telah diwujudkan sejak tahun 1998. Tujuan kewujudan koperasi ini sangat memberikan impak positif kepada pelajar kerana dapat memudahkan mahasiswa / mahasiswi yang menuntut di IPTA mencari barangan keperluan yang mereka perlukan sebagai pelajar di universiti mahupun kolej. Akan tetapi, masalah pengurusan data inventori yang masih ada di koperasi masih dihadapi oleh kebanyakan koperasi termasuklah koperasi Politeknik Seberang Perai, Pulau Piang. Kesannya, adakalanya barangan yang diperlukan oleh pelajar tiada stok di koperasi.

Oleh kerana itu, pengkaji bercadang untuk mewujudkan satu laman sesawang untuk menyelesaikan permasalahan pengurusan inventori yang dihadapi oleh Koperasi Politeknik Seberang Perai. Dengan adanya laman sesawang ini, pihak pengurusan koperasi dapat memaklumkan kepada pelajar-pelajar di politeknik mengenai stok barangan yang ada dengan mudah, pantas dan menjimatkan masa. Pembangunan sebuah laman sesawang merupakan suatu alat pemasaran produk yang sedia ada kepada masyarakat luar serta menjadi kaedah untuk menghimpunkan data yang akan disimpan. Tujuan utama laman sesawang yang akan dibangunkan adalah utamanya untuk memenuhi keperluan pengguna yang secara


amnya menginginkan suatu perkhidmatan yang pantas dan tepat. Strategi dan teknik perhubungan awam pada hari ini banyak dipengaruhi oleh perkembangan teknologi media yang baru seperti Internet dan laman sesawang (Bahtiar et al. 2005).

Justeru, penggunaan laman sesawang ini diharapkan dapat memberikan kesan yang baik kepada pelajar PSP untuk mengetahui inventori yang masih ada di koperasi.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Dalam era globalisasi ini, perkembangan teknologi masa kini telah mengubah gaya hidup masyarakat dalam pembacaan berita, mencari hiburan, sehingga pembelian segala keperluan harian dengan lebih cekap dapat dilakukan hanya dengan penggunaan telefon pintar. Tambahan pula, apabila seluruh negara berhadapan penyebaran wabak Covid-19 telah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap penggunaan Internet tamsilnya membuat pembelian, proses pembelajaran dan lain-lain turut dilakukan secara atas talian bagi mengurangkan jumlah kes dijangkiti wabak ini. Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin pernah berkata, “Pelaksanaan tinjauan yang dilaksanakan ketika pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang mana penggunaan Internet di kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas meningkat dengan ketara kepada 89.6 peratus pada 2020 berbanding 84.2 peratus pada 2019 iaitu meningkat sebanyak 5.4 mata peratus. Aktiviti Internet yang paling popular di Malaysia adalah menyertai rangkaian sosial. Daripada perspektif yang berbeza, semasa pandemik berlaku, penggunaan Internet meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan berkaitan aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan hiburan”. Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa tujuan utama pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang sangat memerlukan laman sesawang ini supaya mereka dapat mengetahui keberadaan stok atau barangan yang sedia ada disamping menggalakkan para pelajar lebih cenderung memilih untuk membeli barangan di koperasi berbanding di luar yakni pasaraya dan seumpama dengannya.

Berikut adalah dapatan peratusan bagi pelajar yang lebih gemar untuk berbelanja di pasaraya ataupun tidak:



Rajah 1 menunjukkan pelajar gemar berbelanja di pasaraya

Seramai 30 orang pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang telah mengikuti kajian ini dengan menjawab borang soal selidik melalui *google form*. Hasil yang pengkaji dapati bahawa sebanyak 75 peratus pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang menjawab “YA” dengan lebih gemar berbelanja di pasar raya berbanding 25 peratus pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang menjawab “TIDAK” iaitu lebih selesa berbelanja barang keperluan di koperasi. Hal ini dapat pengkaji simpulkan bahawa dengan mewujudkan laman sesawang ini pengkaji yakin ramai pelajar akan mula tertarik untuk membeli barang keperluan di koperasi sahaja.

Selain itu, masalah yang sering dihadapi ialah pelajar politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang juga mengalami kesukaran untuk mengetahui sama ada barang yang dikehendaki oleh mereka masih mempunyai stok ataupun tidak di koperasi. Sekiranya barang yang mereka kehendaki tiada, pelajar terpaksa untuk membeli di luar. Bagi mengelakkan para pelajar daripada membazirkan masa mereka untuk mencari barang yang dikehendaki tetapi tiada di koperasi, pengkaji mewujudkan laman sesawang MyPSP KOOP supaya dapat menjimatkan masa para pelajar daripada berulang-alik untuk ke koperasi. Menurut hasil penelitian *Google* pada kuartal IV 2013-2014, orang ramai lebih cenderung memilih untuk menghabiskan waktu di media digital. Pada masa yang sama, negara Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengadaptasi terhadap perubahan dan perkembangan ini dalam memantapkan lagi pelbagai aspek. Bagi menggalakkan para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang agar tidak ketinggalan dengan perubahan baharu ini, pengkaji yakin dengan adanya laman sesawang MyPSP KOOP ianya dapat memberi kemudahan kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang seperti tidak perlu berkunjung ke koperasi jika barang yang ingin dibeli belum ada atau sebaliknya. Oleh itu pelajar hanya perlu melihat dan mendapatkan maklumat di laman sesawang MyPSP KOOP sebelum berkunjung ke koperasi untuk membuat sebarang pembelian.

Berikut adalah contoh keadaan barang di koperasi apabila ketiadaan stok:



Rajah 1 Menunjukkan kehabisan stok

Hal ini memberikan impak kepada kebanyakan pelajar Politeknik Seberang Perai menghadapi masalah dimana barangan keperluan yang dikehendaki tidak mempunyai stok di koperasi. Ini akan menyebabkan para pelajar terpaksa keluar mencari barangan tersebut seperti di pasar raya berdekatan misalnya Mydin. Secara tidak langsung, pelajar terus membuat keputusan untuk membeli barang di luar sahaja kerana bagi sesetengah pelajar merasakan bahawasanya untuk berulang alik ke koperasi semata-mata untuk melihat barang yang ingin dibeli ada stok atau tidak itu suatu yang merumitkan. Oleh itu, pengkaji percaya bahawa dengan mewujudkan sebuah laman sesawang yang diberi nama MyPSP KOOP ini dapat dijadikan sebagai suatu inisiatif baru kepada pelajar Politeknik Seberang Perai dalam menyelesaikan masalah mereka untuk membeli barang sebelum perlu berkunjung ke koperasi sendiri.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Objektif Am

Projek ini dijalankan untuk mencadangkan satu sistem pengurusan yang lebih moden dan cekap dalam mengenal pasti keberadaan stok barangan yang ada di jual di koperasi Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

1.4.2 Objektif Spesifik Projek

Objektif spesifik adalah seperti berikut:

- 1) Meningkatkan keupayaan koperasi untuk memenuhi keperluan pengguna dalaman iaitu pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.
- 2) Membangunkan sebuah laman sesawang iaitu MyPSP KOOP yang boleh diguna pakai untuk melihat keberadaan stok barang keperluan dengan lebih lancar dan sistematik.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

1.5.1 Justifikasi Isu Pemilihan Projek

Pemilihan produk ini di pilih berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji dalam mengenal pasti masalah-masalah yang berlaku dari sudut kehabisan stok barangan keperluan untuk para pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Pihak pengkaji mencadangkan untuk merealisasikan suatu produk inovasi iaitu sebuah laman sesawang MyPSP KOOP bagi memudahkan para pelajar untuk mendapatkan sebarang maklumat mengenai keberadaan stok barangan keperluan yang dikehendaki di koperasi. Antara tujuan utama projek ini adalah untuk mengubah proses manual untuk mendapatkan maklumat mengenai barangan keperluan. Selain itu, ia juga dapat menjimatkan masa kerana pelajar tidak perlu pergi ke koperasi secara terus sekiranya mendapat tahu bahawa barangan yang dikehendaki tiada ataupun kehabisan stok. Sebelum adanya laman sesawang ini, pelajar perlu berkunjung ke koperasi untuk melihat keberadaan stok barangan yang dikehendaki. Setelah adanya laman sesawang MyPSP KOOP ini, pelajar hanya perlu mengakses sistem ini menggunakan link yang telah disediakan oleh pihak pengkaji menggunakan telefon pintar masing-masing untuk melihat keberadaan stok barangan keperluan yang dikehendaki oleh seseorang pelajar tersebut tanpa perlu ke koperasi. Oleh hal yang demikian, laman sesawang MyPSP KOOP ini sangat membantu para pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai koperasi dengan lebih cekap, sistematik dan fleksibel.

1.5.2 Justifikasi Analisis SWOT

Untuk mengukuhkan lagi kajian ini, pihak pengkaji telah menggunakan kaedah analisis yang dikenali sebagai SWOT bagi membangunkan projek ini untuk menambah baik maklumat yang telah diperolehi. Analisis SWOT merupakan singkatan kepada S – Strengths, W – Weakness, O – Opportunities, T – Threats. Analisis SWOT merupakan teknik yang sangat berkesan dalam membantu untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang berkaitan dengan projek yang dijalankan. Analisis SWOT adalah salah satu penelitian yang mengidentifikasi dalam pelbagai faktor secara sistematik dan teratur bagi menjadikan satu rumusan mengenai strategi perusahaan (Syamsudin Noor, 2014).

Penggunaan analisis SWOT yang efektif dapat memegang satu peranan penting dalam menentukan strategi kompetitif agar dapat mengetahui kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi oleh perusahaan dalam menjaga kelangsungan hidup dan kontinuitas perusahaan (Zuhrotun Nisak, 2013).

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji, kekuatan laman sesawang MyPSP KOOP ialah produk inovasi yang merupakan sebuah sistem serba boleh atau dikenali sebagai fleksibel kerana ia boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja asalkan mempunyai sambungan internet yang kukuh dan stabil. Hal ini kerana, sistem ini hanya memerlukan telefon bimbit bagi setiap pelajar bagi membolehkan para pelajar itu untuk mendapatkan maklumat keberadaan stok di koperasi. Selain itu, harga barang berada dalam kawalan untuk pelajar. Bagi pelajar memang tidak dapat dinafikan bahawa mereka dapat membeli barangan keperluan dengan harga yang lebih murah, berpatutan dan berkualiti untuk digunakan berbanding membeli di pasar raya. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pelajar untuk berjimat cermat dalam berbelanja barang keperluan. Sebagai contoh, alat tulis, minuman, keetas kajang, makanan dan lain-lain lagi. Seterusnya, dengan kewujudan laman sesawang ini dapat menjimatkan masa pelajar. Hal ini disebabkan oleh, sekiranya seseorang pelajar itu hendak membeli barang di koperasi hendaklah berjalan ke koperasi dan mengambil masa dalam anggaran 10 minit. Setelah wujudnya laman sesawang MyPSP KOOP ini pelajar hanya perlu mengakses dan melihat keberadaan barang yang dikehendaki itu ada stok

mahupun tidak di koperasi jikalau tiada pelajar tersebut tidak perlu membuang masa dengan begitu sahaja pergi ke koperasi tetapi barang yang dikehendaki tiada.

Selain itu, berdasarkan hasil pemerhatian oleh pihak pengkaji, terdapat juga kelemahan dalam produk ini. Antaranya ialah sistem ini memerlukan rangkaian internet yang kuat dan stabil. Sekiranya pelajar tiada rangkaian internet yang kuat dan stabil pelajar tidak dapat menggunakan sistem ini untuk melihat keadaan stok barangan di koperasi dengan mudah. Bukan itu sahaja kehabisan stok juga menjadi salah satu kelemahan bagi produk ini. Hal ini kerana, sekiranya pihak supplier tidak membuat penghantaran stok baharu pada hari dan masa yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan koperasi.

Di samping itu, laman sesawang MyPSP KOOP dapat memberi peluang kepada koperasi untuk lebih maju dalam perniagaan mereka. Hal ini kerana, terdapat banyak kelebihan serta manfaat yang dapat diperolehi daripada kewujudan laman sesawang ini. Bukan itu sahaja, ianya dapat mengikuti era permodenan kini di mana semua maklumat hanya dicapai di hujung jari iaitu melalui telefon pintar.

Akhir sekali, terdapat juga ancaman kepada sistem ini iaitu pesaing yang mewujudkan sebuah laman sesawang yang lebih moden dan sentiasa berkembang di masa akan datang.

1.6 SKOP PROJEK

Kajian ini secara umumnya tertumpu kepada pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang yang melakukan urusan pembelian barangan keperluan di Koperasi Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian ini membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam urusan pembelian barangan keperluan yang dikehendaki di koperasi Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Tujuan projek ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pelajar politeknik untuk mendapatkan maklumat tepat samada stok barangan yang dikehendaki ada atau tidak dijual di koperasi. Pembangunan laman sesawang MyPSP KOOP ini memberi maklumat awal kepada para pelajar mengenai keberadaan stok barangan di koperasi. Di samping itu, pelajar dapat mengetahui mengenai kehabisan stok barangan yang diperlukan di koperasi dan tidak perlu pergi ke koperasi untuk mendapatkannya. Oleh yang demikian, laman sesawang MyPSP KOOP ini dapat membantu pelajar menjimatkan masa kerana mereka tidak perlu hadir ke koperasi untuk melihat barangan yang dikehendaki itu mempunyai stok atau tidak.

BAB 2

KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan mengenai kajian lapangan yang telah dibuat oleh pihak pengkaji berkaitan dengan tajuk projek inovasi iaitu laman sesawang MyPSP KOOP dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian ini merupakan ulasan berkenaan maklumat yang telah diperolehi melalui temubual bersama pihak koperasi yang berkaitan dengan projek serta kajian terdahulu. Kajian ini dijalankan untuk membuat penambah baikkan mengenai maklumat yang diperolehi bagi menyokong objektif kajian yang telah dinyatakan pada awal projek.

2.2 KAJIAN TERDAHULU

Kajian terdahulu menunjukkan hasil kajian yang relevan dengan penelitian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Kajian lepas bukannya ringkasan terhadap sesebuah kajian tetapi ianya merupakan ilmiah terhadap permasalahan kajian tertentu yang dilakukan oleh orang lain. Kajian ini juga menunjukkan bahawa sebelum ini para pelajar Politeknik Seberang Perai terpaksa keluar membeli di luar apabila stok barangan yang ada di koperasi mengalami kehabisan stok. Hal ini menyebabkan kesulitan bagi para pelajar Politeknik Seberang Perai memandangkan kos untuk keluar membeli diluar agak tinggi seperti pelajar terpaksa keluar menggunakan grab ke pasaraya terdekat. Walaupun pasaraya di luar agak dekat, ianya memerlukan modal untuk keluar membelinya. Perkara ini juga akan mengganggu waktu para pelajar Politeknik Seberang Perai untuk keluar semata-mata membeli barang yang diinginkna sahaja di luar.

2.3 KAJIAN LAPANGAN: KAEDAH TEMUBUAL

Temu bual berstruktur melibatkan perbualan secara bersemuka antara pihak pengkaji dengan pihak koperasi serta salah satu pelajar Politeknik Seberang Perai bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang projek yang dijalankan. Data yang diperolehi melalui temubual dapat memperkukuhkan dan melengkapkan kajian yang dibentangkan. Oleh itu, kajian dilakukan melalui penggunaan kaedah temubual berstruktur untuk mendapatkan maklumat yang konstruktif untuk menyokong kajian yang dijalankan. Dua sesi temubual berstruktur secara bersemuka telah dilaksanakan bersama Kak Zie iaitu pemilik koperasi dan salah satu pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

Antara soalan-soalan yang ditanya oleh pihak pengkaji kepada pihak koperasi dan pelajar Politeknik Seberang Perai:

BIL	SOALAN
1	Adakah barang yang dijual di koperasi mempunyai stok yang sedia ada semasa pembelian.
2	Adakah masa operasi koperasi dibuka dan ditutup sesuai mengikut masa pelajar.
3	Adakah anda bersetuju jika laman sesawang untuk kegunaan koperasi dibangunkan.
4	Adakah bilangan perkerja mencukupi dalam membantu sebarang aktiviti di koperasi.
5	Adakah anda bersetuju bahawa laman sesawang yang ingin dibangunkan dapat membantu para pelajar Politeknik Seberang Perai.

Melalui sesi temubual berstruktur secara bersemuka yang dilakukan, beberapa maklumat yang penting telah diperolehi untuk menyokong projek ini. Bagi pihak koperasi, barang yang dijual adalah mencukupi stok untuk pelajar manakala salah satu pelajar yang pengkaji temubual mengatakan sebaliknya bahawa keadaan stok tidak menentu di koperasi untuk

barang tertentu. Bagi masa operasi pula, pihak koperasi memberitahu bahawa masa yang ditetapkan oleh koperasi sangat sesuai dengan pelajar kerana beroperasi hampir 10 jam pada setiap hari kecuali cuti umum. Jadi pelajar Politeknik Seberang Perai dapat membeli secara langsung barang keperluan yang diinginkan. Selain itu, pemilik koperasi dan salah seorang pelajar Politeknik Seberang Perai yang ditemubual bersetuju bahawa projek laman sesawang yang ingin diwujudkan oleh pihak pengkaji adalah sangat membantu bagi menyelesaikan masalah para pelajar Politeknik Seberang Perai. Perkara ini juga dapat memudahkan lagi pelajar untuk menentukan masa bagi pelajar datang membeli mengikut waktu yang sesuai bagi pelajar.

2.4 RUMUSAN

Melalui kajian lapangan, beberapa maklumat yang penting dapat diperolehi yang dapat membantu untuk membangunkan projek inovasi ini. Selain itu, pemilik koperasi juga turut menyokong idea projek inovasi daripada pihak pengkaji bahawa ianya mampu membawa solusi untuk masalah tersebut. Kesimpulannya, maklumat yang diperolehi membuktikan bahawa projek ini mempunyai potensi yang amat tinggi untuk menyelesaikan masalah para pelajar Politeknik Seberang Perai.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan secara terperinci mengenai penghasilan laman sesawang inventori (barangan runcit) yang dihasilkan untuk membantu koperasi Politeknik Seberang Perai memaklumkan kepada orang ramai khususnya pelajar-pelajar di Politeknik Seberang Perai akan inventori yang masih ada di koperasi. Seterusnya, bab ini juga menerangkan proses-proses yang dilakukan untuk membangunkan laman sesawang tersebut.


3.2 REKA BENTUK PROJEK

Laman sesawang inventori (barangan runcit) ini merupakan satu cara penghasilan inovasi yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar - pelajar Politeknik Seberang Perai bagi mengetahui keadaan stok terkini di koperasi. Laman sesawang ini mempunyai sistem pengendalian maklumat yang sistematik dan juga mudah untuk digunakan oleh kedua-dua pihak iaitu pelajar Politeknik Seberang Perai dan pihak koperasi. Laman sesawang ini tiada had penggunaan dimana ianya boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan adanya capaian rangkaian internet. Pihak pengkaji amat menitikberatkan akan keadaan masyarakat dengan memastikan reka bentuk laman sesawang ini mudah untuk digunakan oleh para pelajar mahupun pensyarah di Politeknik Seberang Perai. Laman sesawang ini dibangunkan melalui *Sites by Google Workspace*.


3.2.1 KAEDAH/ PROSEDUR/ TEKNIK PENGHASILAN PROJEK

Langkah 1

Langkah pertama adalah pihak pengkaji mendapatkan maklumat serta belajar kaedah-kaedah yang penting untuk membangunkan sebuah laman sesawang melalui pencarian *Google* dan *Youtube*.



Rajah 3.2.1.1 Google



Rajah 3.2.1.2 Youtube

Langkah 2

Pihak pengkaji mencari *Sites by Google Workspace* di Google.

The screenshot shows a Microsoft Bing search results page for the query "sites by google". The search bar at the top contains the text "sites by google" and shows "About 132,000,000 results". The page is in Malay and the user's email address "1001B20F1012@student.psg" is visible in the top right corner. The search results are organized into several sections:

- Google Sites: Sign-in**: A result with the URL <https://www.sites.google.com> and a description: "Web Access: Google Sites with a personal Google account or Google Workspace account (for business use).". It includes a blue "Open Website" button.
- Free Website Templates**: A result with the URL [Free Website Templates - Google Sites: Sign-in](#).
- What to Expect When You C...**: A result with the URL [What to Expect When You Convert a Site - Google Sites: Sign-in](#).
- What Can You Do With Gmail**: A result with the URL [Add Google Chat to your Gmail inbox and get all the features of Chat directly in ...](#).
- Log In To Google Ads - Get Started**: A result with the URL <https://ads.google.com/official/login> and a description: "Log In To Your Google Ads Account. Create Your First Ads & Reach More Customers Online. - Promote Your Website - Appear On Google Search - Only Pay For Results".
- Learn About Display Ads**: A result with the URL [Promote Your App](#).
- Learn About Video Ads**: A result with the URL [Consult With Our Experts](#).
- How Much Does It Cost?**: A result with the URL [How Google Ads Work](#).
- Google Sites: Create & Host Business Websites**: A result with the URL <https://workspace.google.com/products/sites> and a description: "Web Create a site, no programming or design skills needed Sites makes it simple to".


On the right side of the page, there is a detailed card for "Google Sites" with a blue icon of a document. The card includes the following information:

- Google Sites**: A structured wiki and web page creation tool included as part of the free, web-based Google Docs Editors suite offered by Google. The service also includes Google Docs, Google Sheets, ...
- workspace.google.com**: The official website URL.
- Developer(s)**: Google
- Initial release**: February 28, 2008
- Platform**: Web application
- Type**: Website creation
- Description**: Google Sites started out as **JotSpot**, the name and sole product of a **software company** that offered enterprise social software. It was targeted mainly at small-sized and medium-sized businesses.
- Additional Info**: Google Sites makes **building a website easy** but sometimes you may need a little extra technical knowledge on how to create a website design.


Rajah 3.2.1.3 *Sites by Google Workspace*

Langkah 3

Pihak pengkaji menggunakan *Google Sites* untuk menerbitkan laman sesawang ini dalam *Google*. Bagi melakukan perkara tersebut, pihak pengkaji perlu *Sign in* untuk mencipta akaun baru *Google Sites*.




Rajah 3.2.1.4 Sign in ke Google untuk mengakses Google Sites




Rajah 3.2.1.5 Paparan setelah sign in ke Google Sites

Langkah 4


Pihak pengkaji melakukan tetapan muka hadapan (*home*) dan *pages* untuk produk-produk yang terdapat di Koperasi.




Rajah 3.2.1.6 Muka hadapan laman sesawang



Rajah 3.2.1.7 Cara untuk menambah pages untuk laman sesawang yang dihasilkan



Rajah 3.2.1.8 Pemilihan layout untuk pages yang dihasilkan



Rajah 3.2.1.9 Layout – memasukkan gambar produk dan mengisi maklumat produk secara terperinci

Langkah 5

Pihak pengkaji menjalankan proses memasukkan data inventori yang telah diberikan oleh pihak koperasi Politeknik Seberang Perai.

The screenshot shows a website for 'POLITEKNIK SEBERANG PERAI' with product images for MILO Nuggets 25G (RM2.20), Mars 47G (RM3.60), Le-mond, and Kit Kat Bites. An Excel spreadsheet titled 'KIRAAN STOK SEPT2022 MAKANAN' is overlaid, showing inventory data for various products.

	A	B	C	D
100	96	TWISTIES 60G	32	2.30
101	97	CHIPSTER 60G	25	3.50
102	98	MINI TOAST 42G	68	1.40
103	99	NABATI ROLL 115G	6	3.30
104	100	NABATI WAFER 40G	52	1.00
105	101	RICE CRACKERS	60	1.20
106		DOUBLEMINT CHEWING GUM 13.5G	140	1.00
107		TIC TAC 14.5G	17	2.70
108		CLORETS MINT 14G	46	2.70


Rajah 3.2.1.10 Data produk yang dimasukkan adalah berdasarkan data yang diperoleh daripada pihak koperasi

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA UNIT	JUMLAH	TOLAK 30%	JUMLAH KOS
1	KRUP-KRUP AINA DELICIOUS 145G	41	6.50			
2	NUTELLA FERRERO B-READY 132G	6	15.60			
3	KITKAT 17G	40	1.50			
4	KITKAT CHUNKY 38G	32	3.30			
5	KITKAT 35G	22	3.00			
6	KERONGSANG KECIL	70	1.00			
7	KERONGSANG CINCIN	3	4.50			
8	KINDER BUENO 21.5GM	27	5.20			
9	KITKAT CHUNKY RAISIN&COOKIES 38G	14	3.30			
10	CADBURY DAIRYMILK-BLACKFOREST 18.5G	16	3.20			
11	CADBURY DAIRYMILK 37G	38	3.20			
12	CADBURY DAIRYMILK-HAZELNUT 37G	1	3.20			
13	SNICKERS 51G	35	3.60			
14	MARS 47G	7	3.60			
15	CRISPY CHOCOLATE 11G	58	0.50			
16	CHOCOJAR	18	3.00			
17	CLOUD9 OVERLOAD 45G	19	1.60			

Rajah 3.2.1.11 Data yang diperoleh daripada pihak Koperasi

Langkah 6


Berikut adalah hasil akhir laman sesawang yang diwujudkan oleh pihak pengkaji.



Rajah 3.2.1.12 Muka hadapan laman sesawang MyPSP KOOP setelah selesai memasukkan kesemua data

3.2.2 BAHAN DAN PERALATAN

Bahan



KIRAAAN STOK SEPT2022 MAKANAN - Excel

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA UNIT	JUMLAH	TOLAK 30%	JUMLAH KOS
1	KRUP-KRUP AINA DELICIOUS 145G	41	6.50			
2	NUTELLA FERRERO B-READY 132G	6	15.60			
3	KITKAT 17G	40	1.50			
4	KITKAT CHUNKY 38G	32	3.30			
5	KITKAT 35G	22	3.00			
6	KERONGSANG KECIL	70	1.00			
7	KERONGSANG CINCIN	3	4.50			
8	KINDER BUENO 21.5GM	27	5.20			
9	KITKAT CHUNKY RAISIN&COOKIES 38G	14	3.30			
10	CADBURY DAIRYMILK-BLACKFOREST 18.5G	16	3.20			
11	CADBURY DAIRYMILK 37G	38	3.20			
12	CADBURY DAIRYMILK-HAZELNUT 37G	1	3.20			
13	SNICKERS 51G	35	3.60			
14	MARS 47G	7	3.60			
15	CRISPY CHOCOLATE 11G	58	0.50			
16	CHOCOJAR	18	3.00			
17	CLOUD9 OVERLOAD 45G	19	1.60			

Rajah 3.2.2.1 Data dari Koperasi

Peralatan



Rajah 3.2.2.2 Komputer Riba yang berfungsi untuk membantu penghasilan laman sesawang


3.2.3 PAPARAN LAMAN SESAWANG INVENTORI (BARANGAN RUNCIT) YANG LENGKAP

I. Laman utama



Rajah 3.2.3.1 Muka hadapan

II. Maklumat inventori




Rajah 3.2.3.2 Pilihan inventori yang terdapat di koperasi

3.2.4 LANGKAH-LANGKAH UNTUK PENGGUNA LAMAN SESAWANG

Langkah 1

Layari laman sesawang inventori koperasi ini seperti yang berikut:

<https://sites.google.com/view/websitekoperasi/home>



Rajah 3.2.4.1 mengakses melalui link yang diberikan

Langkah 2

Pada laman utama, terdapat bahagian pilihan di atas.



Rajah 3.2.4.2 Setelah mengakses melalui link

3.2.5 KAJIAN RINTIS

Produk ini telah dibangunkan berdasarkan keperluan yang dikenalpasti oleh pengkaji bagi memperoleh hasil daripada temubual secara bersemuka dengan salah seorang pelajar dan pihak koperasi Politeknik Seberang Perai. Setelah produk inovasi ini dibangunkan, ia kemudian akan diuji semula sama ada produk yang dihasilkan mampu menyelesaikan masalah ataupun tidak. Kemudian, hasil daripada kajian ini, pengkaji perlu membuat penambahbaikan terhadap produk untuk mencapai tahap yang lebih baik.

3.2.6 MAKLUM BALAS KAJIAN RINTIS

Hasil daripada kajian rintis ini menunjukkan bahawa inovasi produk yang dibangunkan ini adalah berupaya bagi memudahkan para pelajar yang mengunjungi koperasi Politeknik Seberang Perai dalam proses mengetahui akan inventori yang masih ada di sana. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan sebelum laman sesawang ini dibangunkan pelanggan perlu dengan sendirinya mengunjungi koperasi dan adakalanya barangan yang mereka mahukan. Namun dengan adanya laman sesawang MyPSP KOOP, proses untuk mengetahui keberadaan barangan yang terdapat di Koperasi Politeknik Seberang Perai hanya boleh dibuat secara atas talian sahaja sekaligus menjimatkan masa para pelajar. Pelajar-pelajar Politeknik Seberang Perai hanya perlu mengakses laman sesawang MyPSP KOOP menggunakan telefon atau komputer untuk melihat sama ada barangan yang diperlukan mempunyai stok atau tidak.

3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan temubual secara atas talian bersama beberapa orang pelanggan laman sesawang MyPSP KOOP. Kaedah pemerhatian digunakan di dalam kajian ini bagi mengenalpasti keperluan kajian. Hal ini bagi mengenalpasti isu yang memerlukan jalan penyelesaian bagi mencapai objektif agar dapat memudahkan pelajar untuk mengetahui keberadaan inventori secara atas talian. Pengumpulan data melalui kaedah temubual ini telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu semasa ujian rintis dan setelah laman sesawang MyPSP KOOP selesai dibangunkan. Tujuan pengumpulan data semasa ujian rintis adalah mendapat maklum balas awal dari pihak pengguna tentang laman sesawang MyPSP KOOP ini, sekaligus menggunakan data yang terkumpul bagi proses penambahbaikan laman sesawang. Bahkan, data yang terkumpul setelah produk dibangunkan bertujuan untuk maklumbalas tentang keberkesanan laman sesawang dalam mencapai objektif kajian yang disasarkan sejak awal proses kajian.

3.4 RUMUSAN

Kesimpulannya, bab ini lebih menjelaskan tentang reka bentuk produk atau langkah-langkah pembangunan produk inovasi, kajian rintis serta maklumbalas kajian rintis, penambahbaikan produk yang dihasilkan, analisis keberkesanan produk dan impak (kesan positif mahupun sebaliknya) terhadap penghasilan produk ini termasuklah kos yang digunakan. Selain itu, pengkaji mendapati sasaran pengguna utama bagi laman sesawang MyPSP KOOP ini adalah lebih kepada pengguna dalaman (khususnya para pelajar Politeknik Seberang Perai) serta pihak koperasi dan keseluruhan warga Politeknik Seberang Perai.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini mentafsirkan mengenai analisis projek dan dapatan kajian dimana ianya menerangkan tentang pencapaian objektif kajian, kelebihan produk, kekurangan produk dan masalah dalam penghasilan produk. Selain itu, dapat menguji tahap keberkesanan terhadap laman sesawang MyPSP KOOP yang telah dibangunkan oleh pihak pengkaji kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai. Kajian yang dijalankan ini melibatkan pencapaian objektif kajian yang pertama dan kedua. Seterusnya, analisis kewangan untuk projek iaitu jumlah kos yang digunakan semasa membangunkan produk inovasi ini.


4.2 DAPATAN KAJIAN / PENGUJIAN

Laman sesawang MyPSP KOOP yang telah dibangunkan ini sangat memudahkan para pelajar Politeknik Seberang Perai tamsilnya dapat membantu pengguna untuk melihat keadaan stok semasa sebelum berkunjung ke koperasi. Dengan adanya laman sesawang ini, para pelajar Politeknik Seberang Perai tidak perlu bimbang lagi tentang masalah untuk mengetahui sama ada barang yang ingin dibeli mempunyai stok atau tidak. Selain itu, ianya juga dapat menjimatkan masa para pelajar Politeknik Seberang Perai. Hal ini kerana, pelajar tidak perlu hadir ke koperasi sekiranya barang yang ingin dibeli kehabisan stok. Bagi mempraktikkan produk inovasi yang telah dibangunkan ini boleh diterima baik oleh para pelajar Politeknik Seberang Perai ataupun tidak pihak pengkaji telah menyediakan borang soal selidik melalui platform *google form* untuk mendapatkan kata balasan serta pandangan daripada pengguna mengenai kewujudan produk ini.. Menurut Gillham (2000), terdapat beberapa sebab mengapa borang soal selidik menjadi pilihan utama bagi kebanyakan pengkaji. Hal ini berlaku disebabkan, jumlah kos bagi menyediakan borang soal selidik tidak memerlukan kos yang tinggi dan dapat menjimatkan masa untuk menyediakannya. Selain itu, pihak pengkaji boleh memperolehi data ataupun maklumat dari jumlah responden yang lebih ramai dan cepat. Berikut adalah soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh pihak pengkaji serta jawapan maklum balas yang telah dijawab oleh para pengguna iaitu pelajar Politeknik Seberang Perai. Analisis ini sama seperti yang berada di fasa awal iaitu seramai 30 pelajar juga telah menjawab soalan-soalan yang diberikan bagi membantu menyempurnakan produk inovasi yang telah dibangunkan ini.

Jadual 4.2.1: Dapatan Analisis keberkesanan produk laman sesawang MyPSP KOOP

Bil	Soalan	Ya	Tidak
1	Dengan adanya website ini, adakah anda lebih memilih untuk berbelanja di koperasi?	90%	10%
2	Adakah website ini membantu anda melihat keberadaan stok di koperasi?	100%	0%
3	Adakah anda bersetuju website ini dapat memudahkan para pelajar untuk membeli barang di koperasi?	100%	0%
4	Adakah anda berpuas hati dengan website ini untuk dijadikan rujukan sebelum hadir ke koperasi?	100%	0%
5	Adakah website ini patut digunakan oleh para pelajar?	100%	0%

4.2.2 Pencapaian objektif kajian pertama




Rajah 4.2.3 Fasa Awal



Rajah 4.2.4 Fasa Akhir

Menurut kajian pada fasa akhir penghasilan projek, seramai 30 orang pelajar juga telah berjaya menjawab beberapa soalan-soalan yang dinyatakan dalam *Google form* yang diberikan. Hasil daripada dapatan kajian, pihak pengkaji mendapati bahawa semasa di fasa akhir menunjukkan satu impak yang baik dimana peratusan pelajar lebih memilih untuk berbelanja di koperasi bagi mendapatkan bekalan stok barangan yang dikehendaki telah meningkat iaitu 90% orang pelajar menjawab 'Ya' dan 10% orang pelajar menjawab 'Tidak' berbanding dengan dapatan kajian semasa fasa awal hanya 50% orang pelajar sahaja yang bersetuju untuk memilih koperasi sebagai tempat untuk membeli barangan keperluan. Hal ini menunjukkan, kesan yang positif apabila laman sesawang MyPSP KOOP diwujudkan semangat para pelajar Politeknik Seberang Perai untuk terus menyokong pengurusan koperasi dengan sentiasa memilih untuk membeli barang di sana.

4.2.3 Pencapaian objektif kajian kedua



Rajah 4.2.6 Bersetuju laman sesawang membantu melihat keadaan stok

Seterusnya, 100% pelajar Politeknik Seberang Perai bersetuju bahawa laman sesawang MyPSP KOOP membantu mereka untuk melihat keadaan stok secara terkini. Perkara ini juga adalah salah satu faktor peningkatan yang berlaku kepada para pelajar untuk terus berbelanja di koperasi. Laman sesawang MyPSP KOOP ini juga dapat membantu memudahkan para pelajar untuk membeli barang di koperasi. Hal ini membuktikan bahawa pihak pengkaji berhasil dengan mencipta laman sesawang MyPSP KOOP yang lebih lancar dan sistematik bagi memenuhi keperluan pelajar yang ingin berbelanja di koperasi.

Di samping itu, bagi menarik perhatian para pelajar untuk mengakses atau menggunakannya, pelbagai warna latar belakang yang digunakan oleh pihak pengkaji bagi mendapat perhatian serta menjadikan laman sesawang MyPSP KOOP tersebut sering diakses oleh pengguna terutama kepada pelajar Politeknik Seberang Perai. Akhir sekali, pihak pengkaji juga bersetuju bahawa laman sesawang MyPSP KOOP ini patut digunakan oleh para pengguna. Jadi, pihak pengkaji telah memutuskan bahawa produk inovasi ini perlu disebarkan secara meluas kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai disamping dapat meningkatkan kadar peratusan pelajar menjadi 100% untuk lebih memilih koperasi sebagai pilihan utama berbanding berbelanja di luar. Seperti yang diketahui, keingintahuan meliputi

sebahagian besar perilaku manusia, mungkin tidak ada yang namanya “gen keingintahuan” yang membuat manusia bertanya-tanya tentang dunia dan menjelajahi lingkungan mereka.

Hal ini jelas membuktikan bahawa pelajar Politeknik Seberang Perai sangat tertarik dengan hal yang baru buktinya, apabila laman sesawang MyPSP KOOP ini dapat diakses ianya mendapat sambutan yang baik daripada para pengguna. Menurut William James, salah satu psikolog modern pertama, menyebutnya sebagai ‘dorongan menuju kesedaran yang lebih baik’. Psikolog Rusia Ivan Pavlov menulis, hal itu merupakan tentang rangsangan melalui refleks yang menyebabkan mereka fokus secara spontan pada sesuatu yang baru yang masuk ke kehidupan mereka.

4.3 PERBINCANGAN

Hasil kajian daripada perbincangan, pihak pengkaji telah mewujudkan sebuah laman sesawang MyPSP KOOP bagi memudahkan para pengguna iaitu pelajar Politeknik Seberang Perai. Sekali gus, dapat menarik minat mereka untuk sentiasa memilih untuk membeli di koperasi berbanding diluar. Laman sesawang MyPSP KOOP ini mempunyai struktur yang sistematik dan teratur bagi membantu para pengguna untuk melihat keadaan stok barangan di koperasi. Bagi menyempurnakan penghasilan produk yang dibangunkan, pihak pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP.

a) Kelebihan:

- i. Laman sesawang MyPSP KOOP ini sangat mudah digunakan kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai kerana hanya perlu mengakses melalui *link* yang telah disediakan dengan menggunakan telefon pintar dan capaian internet yang stabil dan kuat sahaja.
- ii. Kewujudan laman sesawang ini juga dapat membantu menjimatkan masa pelajar Politeknik Seberang Perai sebelum menghadiri ke koperasi.
- iii. Laman sesawang MyPSP KOOP juga dapat memudahkan pelajar Politeknik Seberang Perai mengetahui keadaan stok semasa di koperasi.

b) Kekurangan:

- i. Laman sesawang MyPSP KOOP ini mempunyai kekurangan seperti jika pengguna tiada internet yang kuat, besar kemungkinan ianya sukar untuk diakses.
- ii. Template dan warna latar belakang yang digunakan untuk laman sesawang MyPSP KOOP adalah tidak begitu menarik kerana kebanyakan template tersebut adalah secara percuma.
- iii. Semua gambar barang yang dipaparkan ke dalam laman sesawang MyPSP KOOP adalah kurang jelas kerana gambar itu diambil melalui *Google*.

c) Masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP:

- i. Pada fasa awal, masalah pertama ialah kesukaran mencari platform yang sesuai untuk membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP kerana kebanyakan laman sesawang atau platform yang ada perlu dibayar dan bayaran tersebut terlalu mahal bagi pengkaji membayarnya.
- ii. Masalah yang terakhir apabila pengkaji telah berjaya menjumpai idea untuk menggunakan platform laman sesawang itu, akan tetapi warna latar belakang atau corak yang disediakan oleh laman sesawang tersebut kurang menarik dan tidak memiliki pelbagai pilihan yang banyak.

4.4 ANALISIS KEWANGAN

Pihak pengkaji telah meneliti beberapa kos yang digunakan sepanjang projek dijalankan dalam penyediaan dan membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP. Analisis kewangan telah dilakukan oleh pengkaji yang merangkumi pelbagai aspek kos penghasilan projek.

4.4.1 Kos Penghasilan Projek

Kos penghasilan produk inovasi ini diambil kira untuk menghasilkan laman sesawang MyPSP KOOP dengan menggunakan platform sedia ada di *Google*. Oleh hal yang demikian, tiada perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak pengkaji sebaliknya menggunakan sahaja platform yang telah sedia ada dengan harga percuma kepada pengguna.

4.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan sama ada laman sesawang MyPSP KOOP layak digunakan ataupun tidak kepada pelajar Politeknik Seberang Perai. Kita juga dapat mengenal pasti tentang kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP ini. Seterusnya, jumlah kos yang diperlukan untuk projek ini telah disusun sebagai rujukan untuk mengetahui kos yang dikeluarkan. Jumlah kos ini juga merangkumi perbelanjaan untuk mencapai objektif kajian serta menghasilkan projek yang terbaik sehingga akhir.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan projek yang telah dijalankan iaitu pembangunan laman sesawang MyPSP KOOP. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT merupakan singkatan kepada S – *Strengths*, W – *Weakness*, O – *Opportunities*, T – *Threats*. Analisis SWOT merupakan teknik yang sangat berkesan dalam membantu untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada berkaitan dengan projek yang dijalankan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Berdasarkan hasil penyiasatan, kajian ini juga menawarkan suatu inovasi mahupun idea yang baharu berdasarkan dapatan semasa menjalankan kajian ini. Kepentingan dan akibat kajian terhadap bidang projek inovasi turut dibincangkan.

5.2 KESIMPULAN BAGI KESULURUHAN PROJEK

Dalam meniti kehidupan pada marcapada ini, penggunaan laman sesawang adalah sangat efektif untuk memudahkan sesebuah perniagaan berjalan dengan lancar dan sistematik. Inovasi dalam membangunkan laman sesawang MyPSP KOOP adalah sangat membantu sesebuah perniagaan terutamanya koperasi di Politeknik Seberang Perai dengan mengemukakan sebuah inovasi yang baru kearah pendigitalan. Pembaharuan yang telah dilakukan adalah dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan barangan stok yang disimpan. Selepas itu, keperluan internet dan telefon pintar dan komputer menjadi satu kepentingan utama untuk mengakses ke laman sesawang tersebut. Laman sesawang merupakan integrasi grafik, teks dan bunyi ke dalam satu halaman paparan. Seterusnya semua bahan berkenaan dapat diakses dengan hanya mengklik di hujung jari. (Menurut Zolkepli et al. :2001). Kemajuan dalam pembangunan laman sesawang MyPSP KOOP telah ditambah dengan ciri-ciri yang dapat membantu pengguna dalam memudahkan semua golongan dengan tidak mengira umur bagi menggunakan laman sesawang yang mudah difahami ini.

Selain itu, laman sesawang MyPSP KOOP ini boleh diterima baik oleh seluruh pihak koperasi serta para pelajar Politenik Seberang Perai. Akan tetapi tidak semua perkara itu indah disebabkan itu pada awal permulaan projek ini terdapat juga beberapa masalah yang dihadapi dalam membangunkan laman sesawang ini. Sebagai contoh cara penggunaan yang sedikit susah, namun pada penghujungnya projek ini dapat ditambah baik dan dapat diterima umum. Selepas berhadapan dengan pelbagai kajian serta eksperimen yang telah dilakukan ke atas projek inovasi ini didapati bahawa penggunaan laman sesawang MyPSP KOOP ini dapat membantu seluruh pihak koperasi serta para pelajar Politeknik Seberang Perai.

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa projek ini boleh memberi impak yang positif dan juga menepati objektif serta memudahkan pelajar untuk mendapat maklumat awal mengenai keadaan stok barangan keperluan yang dikehendaki di koperasi. Penggunaan laman sesawang ini boleh diakses pada bila-bila masa sahaja hanya memerlukan capaian internet yang kuat dan stabil. Projek ini sememangnya memerlukan jangka masa yang agak lama untuk memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Justeru itu, dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli pasukan yang dibimbing oleh penyelia projek kumpulan, projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Kesimpulan daripada penyediaan projek telah dibuat berasaskan Analisis SWOT.

- Berikut ialah penerangan lanjut secara menyeluruh mengenai analisis SWOT tentang kesimpulan inovasi projek ini.

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji, kekuatan laman sesawang MyPSP KOOP ialah produk inovasi yang merupakan sebuah sistem serba boleh atau dikenali sebagai fleksibel kerana ia boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja asalkan mempunyai sambungan internet yang kukuh dan stabil. Hal ini kerana, sistem ini hanya memerlukan telefon bimbit bagi setiap pelajar bagi membolehkan para pelajar itu untuk mendapatkan maklumat keberadaan stok di koperasi. Selain itu, harga barang berada dalam kawalan untuk pelajar. Bagi pelajar, memang tidak dapat dinafikan bahawa mereka dapat membeli barangan keperluan dengan harga yang lebih murah, berpatutan dan berkualiti untuk digunakan berbanding membeli di pasar raya. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pelajar untuk berjimat cermat dalam berbelanja barang keperluan. Tamsilnya, alat tulis, minuman, keetas kajang, makanan dan lain-lain lagi. Seterusnya, dengan kewujudan laman sesawang ini dapat menjimatkan masa pelajar. Hal ini disebabkan oleh, sekiranya seseorang pelajar itu hendak membeli barang di koperasi hendaklah berjalan ke koperasi dan mengambil masa dalam anggaran 10 minit. Setelah wujudnya laman sesawang MyPSP KOOP ini pelajar hanya perlu mengakses dan melihat keberadaan barang yang dikehendaki itu ada stok mahupun tidak di koperasi jikalau tiada pelajar tersebut tidak perlu membuang masa dengan begitu sahaja pergi ke koperasi tetapi barang yang dikehendaki tiada.

Selain itu, berdasarkan hasil pemerhatian oleh pihak pengkaji, terdapat juga kelemahan dalam produk ini. Antaranya ialah sistem ini memerlukan rangkaian internet yang kuat dan stabil. Sekiranya pelajar tiada rangkaian internet yang kuat dan stabil pelajar tidak dapat menggunakan sistem ini untuk melihat keadaan stok barangan di koperasi dengan mudah. Bukan itu sahaja kehabisan stok juga menjadi salah satu kelemahan bagi produk ini. Hal ini kerana, sekiranya pihak supplier tidak membuat penghantaran stok baharu pada hari dan masa yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan koperasi.

Di samping itu, laman sesawang MyPSP KOOP dapat memberi peluang kepada koperasi untuk lebih maju dalam perniagaan mereka. Hal ini kerana, terdapat banyak kelebihan serta manfaat yang dapat diperolehi daripada kewujudan laman sesawang ini. Bukan itu sahaja, ianya dapat mengikuti era permodenan kini di mana semua maklumat hanya dicapai di hujung jari iaitu melalui telefon pintar.

Akhir sekali, terdapat juga ancaman kepada sistem ini iaitu pesaing yang mewujudkan sebuah laman sesawang yang lebih moden dan sentiasa berkembang di masa akan datang.

5.3 CADANGAN

Laman sesawang MyPSP KOOP ini berjalan dengan lancar dan memperlihatkan kekuatan serta memberi kesan terhadap pihak koperasi sendiri serta para pelajar Politeknik Seberang Perai. Terdapat beberapa perkara yang dilihat memerlukan penambahbaikan perlu dilakukan. Kewujudan laman sesawang ini boleh menjimatkan masa para pelajar untuk melihat keadaan stok barangan di koperasi. Pihak pengkaji percaya pada masa akan datang, projek inovasi ini dapat menginspirasi kepada pengusaha koperasi yang lain selaras dengan era pendigitalan pada zaman sekarang. Kesimpulan bagi menghasilkan cadangan ini adalah menggunakan Kaedah Matriks TOWS menerusi kajian ini.

SO – STRENGTHS/OPPORTUNITIES

- Pelajar dan staf koperasi boleh mengakses laman sesawang MyPSP KOOP dengan menggunakan telefon pintar atau komputer.
- Mengaplikasikan sistem peng-kod-an yang mana sistem itu akan membantu pihak koperasi untuk secara mudahnya mengira jumlah stok yang masih ada di koperasi.
- Mempelbagaikan lagi fungsi ke dalam laman sesawang MyPSP KOOP ini iaitu dengan adanya 'order' secara atas talian dan bayaran secara atas talian.

ST – STRENGTH / THREATS

- Boleh diakses melalui internet yang kuat dan boleh diakses dimana saja kita berada.
- Maklumat peribadi yang disimpan oleh pengusaha koperasi itu dapat diketahui oleh pihak luar seperti hacker.

WO – Weaknesses / Opportunities

- Pengguna perlu mempunyai peranti yang moden mengikut peredaran zaman terkini.
- Pengisian data yang digunakan di dalam laman sesawang MyPSP KOOP memerlukan keadaan internet yang tinggi.
- Kecanggihan laman sesawang MyPSP KOOP dijangkakan dapat bersaing dengan koperasi yang sudah sedia ada,

WT – Weaknesses / Threats

- Penggunaan laman sesawang MyPSP KOOP dalam jangka waktu yang lama akan menyebabkan sistem laman sesawang tergendala

Laman sesawang MyPSP KOOP ini membolehkan pelajar dan staf koperasi boleh mengakses dengan menggunakan telefon pintar atau komputer. Di samping itu, berkemungkinan ianya boleh mempertingkatkan atau memudahkan lagi tahap penggunaan laman sesawang MyPSP KOOP dengan memasukkan sistem peng-kod-an yang mana sistem itu akan membantu pihak koperasi untuk secara mudahnya mengira jumlah stok yang masih ada di koperasi dengan adanya scanner. Selain itu, dengan mempelbagaikan lagi fungsi ke dalam laman sesawang ini iaitu dengan adanya ‘*order*’ secara atas talian dan bayaran secara atas talian. Dengan itu para pelajar boleh membuat pesanan dan melakukan pembayaran melalui online banking (transfer duit ke akaun koperasi) terlebih dahulu sebelum pergi ke koperasi. Perkara ini boleh menjimatkan masa tenaga untuk pelajar. Penambahbaikan ini pasti akan memperlihatkan bahawa laman sesawang MyPSP KOOP ini kelihatan lebih canggih dan berguna untuk digunakan oleh para pelajar Politeknik Seberang Perai serta mengalakkan mereka agar membeli di koperasi.

MyPSP KOOP ini adalah satu laman sesawang yang mudah untuk digunakan kerana hanya boleh diakses melalui internet yang kuat dan boleh diakses dimana saja kita berada. secara tidak langsung dapat menjimatkan masa pengguna semasa beroperasi. Dalam pada itu, terdapat beberapa ancaman yang akan menjejaskan kestabiliti dan kerahsiaan laman sesawang MyPSP KOOP. Sebagai contoh, dari segi maklumat peribadi yang disimpan oleh pengusaha koperasi itu dapat diketahui oleh pihak luar ia dikenal sebagai hacker. Mereka ini mahu mengakses data data di koperasi dengan objektif yang tersirat yang telah dirancang. Oleh itu, perkara ini tidak seharusnya diambil mudah oleh pihak koperasi dan mestilah mempunyai ‘*backup plan*’ sekiranya berhadapan dengan situasi di atas.

Untuk menggunakan laman sesawang MyPSP KOOP, para pengguna perlu mempunyai peranti yang moden mengikut peredaran semasa terkini seperti telefon pintar, komputer dan sebagainya serta mempunyai jaringan internet yang stabil, Pengisian data yang digunakan di dalam laman sesawang MyPSP KOOP ini memerlukan keadaan internet yang tinggi dengan itu pengguna

dicadangkan untuk melanggan jaringan internet yang kuat untuk tidak berlakunya internet tidak stabil semasa proses pengasian data ke dalam laman sesawang MyPSP KOOP. Selain itu, kecanggihan laman sesawang MyPSP KOOP dijangkakan dapat bersaing dengan koperasi- koperasi di luar sana yang sudah sedia ada dan terkenal juga setaraf dengan kemajuan teknologi laman sesawang mereka.

Melalui pemerhatian pengkaji, penggunaan laman sesawang MyPSP KOOP dalam jangka waktu yang lama akan menyebabkan sistem laman sesawang tergendala. Di samping itu juga akan memberi kesan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai koperasi dengan cepat.

5.4 LIMITASI PROJEK

Limitasi adalah perkara yang menjadi kekangan dan halangan atau kekurangan ketika menjalankan kajian. Menurut Zahir Othman (2010) menyatakan bahawa setiap kajian mempunyai limitasi yang tersendiri. Dalam pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengkaji.

Antaranya ialah kekangan masa. Hal ini kerana kekurangan masa adalah limitasi utama projek ini. Projek ini mengambil tempoh yang lama untuk siap sepenuhnya untuk direka bentuk laman sesawang MyPSP KOOP. Masa yang singkat menyebabkan rekaan laman sesawang tersebut kelihatan kurang dalam beberapa aspek yang inovatif dan kreatif yang diinginkan. Sekiranya diberikan tempoh masa yang lebih Panjang lagi, pihak pengkaji menjangkakan projek ini akan menambah baik kepada bentuk inovasi yang lebih banyak dalam laman sesawang ini supaya kelihatan lebih menarik bagi para pengguna.

Seterusnya, limitasi kajian ini adalah pengkaji kekurangan ilmu pengetahuan dalam bidang membangunkan sebuah sistem atau laman sesawang yang canggih. Hal ini telah menyebabkan pengkaji memerlukan tunjuk ajar daripada yang berpengalaman serta menguasai dengan mahir dalam bidang pembinaan laman sesawang kerana bagi menjayakan projek ini kerana pengkaji perlu memahami dengan lebih teliti apa ciri-ciri yang pengkaji perlu wujudkan supaya dapat mencapai objektif projek pengkaji. Pada masa yang sama, untuk mencipta sesebuah laman sesawang bukan begitu senang sebab mencipta laman sesawang melibatkan banyak pengekodan dan '*software*' dengan itu baru boleh mereka sesebuah laman sesawang yang canggih dan boleh berfungsi dengan lebih baik. Oleh itu, pengkaji haruslah berusaha sedaya mungkin bagi mengatasi masalah ini dengan cepat agar penghasilan bagi sebuah laman sesawang MyPSP KOOP ini berjalan dengan lancar dan teratur.

5.5 RUMUSAN

Secara rumusannya, kajian ini membincangkan mengenai laman sesawang MyPSP KOOP yang telah dibangunkan dengan kerjasama antara pihak pengkaji untuk kegunaan koperasi serta pelajar Politeknik Seberang Perai. Di dalam bab ini adalah hasil dan pencapaian projek sama ada mencapai objektif, kelemahan dan kekuatan SWOT secara terperinci, cadangan bagi penambahbaikan dan limitasi mahupun masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan projek inovasi ini. Setelah membuat kajian, projek ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Tujuan bagi kajian ini ialah pengkaji mencipta laman sesawang MyPSP KOOP menggunakan cara yang efektif bagi memberitahu maklum awal kepada para pelajar mengenai keberadaan stok barangan di koperasi dengan mudah dan cepat.

Setiap projek yang dibangunkan mempunyai kepentingan serta objektifnya yang tersendiri, begitu juga bagi laman sesawang MyPSP KOOP. Walaupun pada awalnya terdapat kekurangan serta timbulnya permasalahan, tetapi pihak pengkaji berjaya menyelesaikannya dan berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan pada awal projek ini dijalankan. Berdasarkan kesimpulan yang telah dibuat, kita dapat melihat projek ini dapat diterima baik oleh pihak koperasi serta pelajar Politeknik Seberang Perai. Hal ini terjadi akibat daripada masalah yang sering dihadapi oleh pelajar untuk diatasi dengan kewujudan laman sesawang MyPSP KOOP. Oleh itu, pelajar Politeknik Seberang Perai amat digalakkan untuk mengguna pakai laman sesawang MyPSP KOOP ini dengan sebaik yang mungkin.

Akhir kata, pihak pengkaji berharap serta beranggapan bahawa projek ini dapat diteruskan agar dapat diterima oleh semua koperasi serta mendapat komersial secara meluas dengan jayanya. Oleh yang demikian, marilah bersama kita membantu untuk membangunkan ekonomi Malaysia dengan penghasilan inovasi yang lebih hebat dan berjaya menjadi contoh kepada negara-negara yang lain serta menaikkan nama Malaysia di persada dunia dengan penghasilan projek inovasi yang menarik kreatif serta inovatif.

LAMPIRAN



Perbincangan kali pertama untuk mencari idea



Perjumpaan untuk memasukkan data-data koperasi



Temubual Bersama pihak koperasi



Temubual Bersama salah satu pelajar Politeknik Seberang Perai



Perjumpaan kali pertama bersama penyelia projek



Sesi penilaian projek yang dibangunkan bersama penyelia projek



Gambar bersama pensyarah kursus setelah selesai pembentangan Viva dijalankan

FASA AWAL

Hello everyone ! We are final students from Islamic Banking made some questions for you to fill in. This survey is a part of our final year project. We would really appreciate if you could to complete this questionnaires. Thank you for your response. Have a nice day everyone ! 🌻

umairah.hilman9@gmail.com (not shared)
[Switch account](#)

* Required

Jantina *

Lelaki

Perempuan

Adakah anda nemar herbelania di koperasi

Contoh borang soal selidik melalui
Google Form pasa fasa awal

FASA AKHIR

Hello everyone ! Kami dari pelajar semester akhir mempunyai beberapa soalan untuk anda isi. Survei ini adalah sebahagian daripada projek FYP kami. Kami amat menghargai sekiranya anda dapat melengkapkan soal selidik ini. Terima kasih atas maklum balas anda. Have a nice day everyone ! 🌻

umairah.hilman9@gmail.com (not shared)
[Switch account](#)

Jantina

Lelaki

Perempuan

1. Dengan adanya website ini, adakah anda

Contoh borang soal selidik melalui
Google Form pasa fasa akhir

GANTT CHART



GANTT CHART
DPB50163 BUSINESS PROJECT
SESSION 1 2022/2023

CONTENT	DATE/WEEK																		
	15/08-21/08	22/08-22/08	29/08-04/09	05/09-11/09	12/09-18/09	19/09-25/09	26/09-02/10	03/10-09/10	10/10-16/10	17/10-23/10	24/10-30/10	31/10-06/11	07/11-13/11	14/11-20/11	21/11-27/11	28/11-04/12			
	W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9										
1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT																			
Introduction to types of project which can be implemented in the business field.	R						P					M				V	F		
Formation of groups	E						R					I				I	I		
Prepare the supplementary materials	G						O					D				V	N		
2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING	I						P									A	A		
Propose a suitable topic for the project	S						O					S					L		
Produce new innovation for business product/services	T						S					E					P		
Prepare elements of situational analysis	R						A					M					R	S	
3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL	A						L					E					E	U	
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T											S					S	B	
Explain the contents of project proposal	I											T					A	M	
Construct a Gantt chart (time frame)	O											E					N	I	
Apply the writing format	N											R					T	S	
4.0 PROJECT IMPLEMENTATION							P											T	I
Accomplish Business Project within the time frame	W						R					R						I	O
Describe the the project over view	E						E					E						O	N
Identify problems/ issues of business.	E						S					A						N	
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/5C's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	K						A					K							
Recognize background and current business situation.							N												
Conduct data analysis and interpretation.							T												
Write recommendations and suggestions to address the issues.							A												
5.0 BUSINESS PROJECT REPORT							T												
Identify the requirements to produce a complete report							I												
Prepare a report based on the given business project format							O												
State the description of the project							N												
State the findings and results.																			
Summarise the project results.																			
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																			
Create data visualisation to present the results																			
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																			
List the references used in producing the report.																			
6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION																			
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																			
Demonstrate a capacity to communicate project result																			
Create effective visual aids to enhance presentation																			
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																			
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																			

PREPARED BY

Dr. ROHANI BINTI M.M YUSOFF
22/8/2022

APPROVED BY

WAN NOR ASNIZA BINTI ARSHAD

WAN NOR ASNIZA BINTI ARSHAD
Ketua Program
Jabatan Perdagangan
Diploma Pengajian Perniagaan
Politeknik Seberang Perai
Pulau Pinang

RUJUKAN

a) Artikel dalam jurnal

Nor Azlina Kassim, “41-2”, APLIKASI M-LEARNING DALAM PENDIDIKAN KOPERASI, m/s 11-12.

b) Buku

Ab. Wahab Mat, Shahrol Aman Ahmad, Azahari Ramli dan Abu Mansor Ahmad PENGURUSAN McGraw-Hill(Malaysia) Sdn Bhd, 2007, pp. 97 -98

c) Journal

Bin Zainul Abidin, M. F., Mohamad, E. M. W., & Ramdhoni, M. H. (2011). Malaysian Journal of Communication: STRATEGI MEMBINA DAN MENGEKALKAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN DENGAN RAKYAT MELALUI LAMAN SESAWANG. Retrieved October 12, 2022, from <https://core.ac.uk/download/pdf/11494737.pdf>

Nor Syuhani Shaari dan Norazlizah Saad PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP REKA BENTUK DAN SUSUNATUR KEDAI DI KOPERASI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS) International Journal of Business and Management 4 (4): 09-17, 2020 <https://www.ijbmjournal.com/uploads/2/6/8/1/26810285/40022020-ijbm-09-17.pdf>

Syamsudin Noor (2014) Penerapan analisis swot dalam menentukan strategi pemasaran Daihatsu luxio di malang. Jurnal INTEKNA, Tahun XIV, No. 2, November 2014, m/s 102 -209

Zuhrotun Nisak (2013) Analisis SWOT Untuk Menentukan Strategi Kompetitif academia.edu

<https://core.ac.uk/download/pdf/12007632.pdf>

d) Internet

Fareez Azman, “Kegunaan internet isi rumah meningkat 91.7 peratus pada tahun 2020 - Ketua Perangkawan”, Internet: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kegunaan-internet-isi-rumah-meningkat-917-peratus-pada-tahun-2020-ketua-perangkawan-292948>, [Sept.19,2022].

Teguh Setiadi, M.Kom, “Perkembangan Teknologi Masa Kini Buat Dunia Makin Digital Dan Mobile” Internet: <http://sistem-komputer-s1.stekom.ac.id/informasi/baca/Perkembangan-Teknologi-Masa-Kini-Buat-Dunia-Makin-Digital-Dan-Mobile/9461eae005e171130176d0b5e19031efd9515ff6>, [Sept.22,2022].

e) Laman sesawang

Ibrahim, A. (2022, March 12). Cara Buat Website Free Dan Mudah Guna Google Sites. Afiq Ibrahim. <https://afiqibrahim.com/cara-buat-website-free-dan-mudah-guna-google-sites/>

Jabatan Pendidikan Tinggi. (1994). Retrieved October 13, 2022, from <https://upu.mohe.gov.my/>

Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM). (2017). Retrieved October 12, 2022, from <https://www.skm.gov.my/index.php/my/>

Syah, H. (2017, November 20). BUAT LAMAN WEB DENGAN GOOGLE SITE. <http://mudahmengajar.blogspot.com/2017/11/buat-laman-web-dengan-google-site.html?m=1>